

Headline	Tiga projek mega luar bandar di Johor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	788 cm ²	Journalist	ZULHISHAMISAHA
PR Value	RM 47,151		



NAJIB TUN RAZAK dan Mohamed Khaled Nordin menyerahkan replika cek bantuan daripada Ismail Sabri Yaakob kepada Razali Ibrahim (dua dari kiri) pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung di Padang Awam Bukit Mor, Muar, Johor, semalam. - BERNAMA

NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan orang ramai sebaik tiba menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, Muar, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD

Tiga projek mega luar bandar di Johor

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK dan MUHAMAD AIMY AHMAD**
peringarang@utusan.com.my

■ MUAR 9 FEB.

KEMENTERIAN Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengumumkan tiga projek infrastruktur berstatus mega akan dilaksanakan di negeri ini pada tahun ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, projek berkenaan termasuk jalan luar bandar, bekalan air dan bekalan elektrik di luar bandar yang keseluruhannya menelan kos RM366.4 juta.

Menurutnya, enam projek jalan luar bandar melibatkan kos RM340 juta, manakala tiga projek bekalan air menelan belanja RM13.7 juta serta satu projek bekalan elektrik berjumlah RM12.7 juta.

"Kerajaan yang ada pada hari ini memberi tumpuan besar terhadap pembangunan di kawasan

luar bandar dan saya juga ingin maklumkan bajet yang KKLW terima adalah kedua terbesar berbanding Kementerian lain.

"Saya percaya banyak lagi peruntukan akan diberikan bagi memastikan masyarakat luar bandar terus terbelak," katanya pada Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung (LJK) Negeri Johor, di sini hari ini.

Penyerahan tersebut disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Awam Bukit Mor di Parit Jawa, dekat sini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Razali Ibrahim merangkap Ahli Parlimen Muar dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd.Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sebanyak 13,582 unit LJK di 1,566 buah



Kerajaan yang ada pada hari ini memberi tumpuan besar terhadap pembangunan di kawasan luar bandar dan saya juga ingin maklumkan bajet yang KKLW terima adalah kedua terbesar berbanding Kementerian lain."

ISMAIL SABRI YAAKOB
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

kampung di seluruh negeri ini siap dipasang dalam program Fasa 8 projek berkenaan.

Menurutnya, pemasangan yang mengutamakan kawasan luar bandar itu melibatkan peruntukan sebanyak RM8.59 juta dengan 486 unit lampu tersebut jenis LED.

"Sasaran tumpuan atau lokasi pemasangan LJK jenis LED ini adalah di kawasan strategik umum dan simpang-simpang utama jalan.

"Kerajaan melihat respons rakyat terhadap pemasangan LJK kini amat popular kerana kerajaan membelanjakan kira-kira RM245 juta untuk membiayai lebih 317,000 unit LJK di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kelapan hingga Ke-11 (RMK-8 hingga RMK-11).

info PROJEK INFRASTRUKTUR MEGA LUAR BANDAR DI JOHOR

- **PROJEK:**
 - > Jalan luar bandar, bekalan air, bekalan elektrik
 - > Kos: **RM366.4 juta**
- Enam projek jalan luar bandar - **RM340 juta**
- Tiga projek bekalan air - **RM13.7 juta**
- Satu projek bekalan elektrik - **RM12.7 juta**
- Sebanyak 13,582 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) di 1,566 kampung - kos **RM8.59 juta**
- 486 unit lampu jenis LED
- Lokasi pemasangan - kawasan strategik umum, jalan-jalan utama
- Kerajaan belanja **RM245 juta** biayai 317,000 unit LJK di seluruh negara dalam RMK-8 hingga RMK-11